

14/01/2001

Ismail dahului penerima darjah kebesaran

ALOR STAR: Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Shafie (gambar), mendahului 821 penerima darjah kebesaran sempena keputeraan Sultan Kedah ke-73 di Istana Anak Bukit, dekat sini, hari ini.

Ismail dianugerahkan darjah kebesaran Datuk Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang membawa gelaran Datuk Paduka.

Mufti Negeri Kedah, Datuk Paduka Syeikh Abdul Majid Mohd Noor pula dianugerahkan darjah Datuk Mursyid Diraja.

Sementara itu, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Syed Zain Syed Abdullah menerima darjah kebesaran Datuk Maha Kurnia yang membawa gelaran Datuk Wira.

Exco Belia dan Sukan negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Padang Mat Sirat, Md Hassan Bulat pula antara 35 penerima anugerah Datuk Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Datuk.

Turut menerima DSDK ialah Ketua Polis Negeri, Deputy Komisioner Hairuddin Mohamad; Pengarah Pendidikan negeri, Hassan Hashim; Pengarah Jabatan Kerja Raya, Dr Nordin Yunus; Ketua Pergerakan Pemuda Umno bahagian Merbok, Mokhzani Mahathir dan bekas qari serta guru Al-Quran, Allahyarham Ismail Hashim.

Turut menerima pingat ialah dua wartawan tempatan yang berpejabat di sini iaitu Mohd Nizam Abdul Hamid dari Utusan Malaysia yang menerima Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM) dan Teoh Boon Aik dari Guang Ming Daily (Pingat Jasa Kebaktian).

(END)